

25/06/1999

Profesor NTU pertahan kawalan modal

SEORANG profesor perniagaan Singapura menolak satu laporan oleh rakan sejawatannya dari negara itu yang mengecam langkah kawalan modal Malaysia pada satu pembicaraan jawatankuasa kecil asing kongres Amerika Syarikat mengenai Malaysia.

Pembicaraan kongres itu dibidas Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tiada langsung wakil Malaysia diminta menyuarakan pendapatnya.

Dalam sepucuk surat panjang lebar yang disiarkan dalam akhbar Straits Times semalam, Prof Madya Chan Teng Heng dari Fakulti Pengajian Perniagaan, Universiti teknologi Nanyang (NTU), berkata beliau ingin membentangkan perspektif berbeza mengenai masalah dihadapi Malaysia berikutan ulasan Linda Lim, pengarah Program Perniagaan Asia Tenggara, Fakulti Pengajian Perniagaan University of Michigan pada sidang jawatankuasa kecil kongres, 16 Jun lalu.

Dalam kertas kerjanya, Lim berkata, kawalan modal terbabit tidak perlu dan tidak mencukupi serta melambatkan pemulihan ekonomi Malaysia.

Prof Chan berkata, ramai yang mengecam langkah kawalan modal Malaysia tetapi tidak menawarkan sebarang alternatif bagi meringankan masalah negara itu.

Katanya, ramai ahli perniagaan bimbang akan kedatangan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) ke Malaysia apabila jirannya menjadi lebih teruk walaupun terdapat usaha menyelamatkan.

"Walaupun saya bukan penyokong Dr Mahathir, saya kagum dengan keberanian dan ketabahan beliau dalam melaksanakan kawalan modal," katanya.

"Berapa banyakkah negara Asia yang mempunyai keberanian untuk berhadapan dengan IMF dalam mengubah keadaan negara dan berkata: `Terima kasih sahajalah' tanpa menerima dananya?" tanya beliau.

Sambil menghuraikan dilema syarikat Malaysia pada mulanya ketika negara itu mematuhi kaedah penjimatan fiskal dan kewangan IMF, Prof Chan berkata, "syarikat tumbang satu persatu disebabkan masalah mudah tunai.

"Ramai rakan sekerja saya setuju jika Malaysia menerima IMF untuk mengubah keadaan negara, lebih banyak kekayaan peribadi di Malaysia musnah sebelum pemulihan ekonomi berlaku," kata Prof Chan sambil menambah ramai antara rakannya adalah ahli profesional dan perniagaan berpengalaman, yang pernah mengalami kemelesetan pada pertengahan 1980-an.

Katanya, model IMF bagi pemulihan tidak boleh digunakan secara menyeluruh bagi negara Asia yang mana perniagaannya saling berkait begitu rapat hinggakan penutupan sebuah syarikat akan menjejaskan ekonomi kecil seperti Malaysia.

"Adalah sesuatu yang bodoh untuk terus berkayuh dalam perahu IMF, jika di dalam air di sekeliling, kita melihat syarikat di negara jiran lemas satu persatu dalam tindakan pembetulan IMF."

Prof Chan berkata, ekonomi Asia perlu berubah bagi `menggunakan rumusan kita sendiri' jika langkah pembetulan Barat tidak sesuai dan langkah mengenakan kawalan ada baiknya kerana ia adalah mekanisme pertahanan untuk terus hidup.

(END)